

BULETIN

PERPUSTAKAAN UNISEL

PELANCARAN KATALOG BUKU TERPILIH IBBY MALAYSIA 2021

- muka 1



BICARA PUSTAKAWAN:
Trend dan Fokus Utama Perpustakaan

- muka 2

Tragedi Banjir Besar Penutup Tahun 2021

- muka 5



Pembuka Bicara

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Pada keluaran kali ke-6 (November - Disember 2021), Perpustakaan UNISEL berjaya menganjurkan Majlis Pelancaran Katalog Buku Terpilih IBBY Malaysia 2021, dan Penyampaian Sijil Buku Kepujian 2021 serta Penyampian Koleksi Buku Terpilih 2021 oleh MBBY kepada UNISEL. Diharap selepas ini terdapat kolaborasi antara dua pihak ini pada masa akan datang.

Selain itu, Perpustakaan UNISEL juga menerima 7 lawatan audit penilaian MQA/MQAVA bagi memperbaharui pematuhan akreditasi program-program di UNISEL. Lawatan ini dilakukan secara atas talian dan Perpustakaan UNISEL telah berjaya mematuhi segala aspek yang tetapkan oleh juru audit.

Disamping itu, pada penghujung tahun 2021, kawasan sekitar UNISEL telah dilanda banjir besar. Ada antara mangsa banjir adalah dikalangan staf UNISEL sendiri. Musibah ini telah mendapat perhatian Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman iaitu Presiden dan Naib Canselor UNISEL dengan memberikan bantuan segera kepada para mangsa banjir yang terlibat.

Salam hormat,

ZAIRIL AZWAN OSMAN

Editor

zairil@unisel.edu.my

Sidang Pengarang

PENASIHAT

Hafiz Abdul Rahim

EDITOR & PEREKA GRAFIK

Zairil Azwan Osman

PENULIS & JURUFOTO

Pustakawan
Perpustakaan UNISEL

PENGEDARAN

Unit LSDM

Buletin Perpustakaan UNISEL ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan kemudahan dan aktiviti di Perpustakaan UNISEL. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan buletin ini melalui saluran komunikasi berikut:

Editor Buletin Perpustakaan UNISEL

Perpustakaan UNISEL, Kampus Shah Alam

Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7,

40000 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-55223596

Emel: zairil@unisel.edu.my

Isi Kandungan

- Pelancaran Katalog Buku Terpilih IBBY Malaysia 2021 1
- BICARA PUSTAKAWAN: Trend dan Fokus Utama Perpustakaan 2
- Tragedi Banjir Besar Penutup Tahun 2021 5
- Program Literasi Maklumat 9
- Aktiviti Perpustakaan UNISEL 11
- Album Pelawat & Lawatan 15
- Ulasan buku 21



**MAJLIS PELANCARAN KATALOG
BUKU TERPILIH IBBY MALAYSIA
DAN
PENYAMPAIAN SIJIL BUKU KEPUJIAN 2021
SERTA
PENYAMPAIAN KOLEKSI BUKU TERPILIH 2021
OLEH MBBY KEPADA UNISEL**

16.11.2021 (SELASA) | 10 PAGI
sertai kami secara langsung melalui facebook [f LIVE](#) UNISEL LIBRARY

unisel
UNIVERSITI SELANGOR



PELANCARAN KATALOG BUKU TERPILIH IBBY MALAYSIA 2021

Pada tanggal 16 November 2021, Universiti Selangor yang diwakili oleh Perpustakaan UNISEL berkolaborasi dengan Malaysian Board on Books for Young People (MBBY) telah berjaya menganjurkan Majlis Pelancaran Katalog Buku Terpilih IBBY Malaysia 2021, yang berlangsung di Dewan Kuliah 2, UNISEL Kampus Shah Alam.

Pelancaran telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Prof. Dato Dr. Mohammad Redzuan Othman, Presiden dan Naib Canselor Universiti Selangor dan ucapan tama disampaikan oleh Dato' Ahmad Redza Ahmad Khairuddin selaku presiden Majlis Buku Kanak-Kanak dan Remaja Malaysia (IBBY Malaysia). Turut hadir Prof. Dr. Md Sidin Ahmad Ishak, Naib Presiden dan Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri) merangkap Ketua Juri Buku Terpilih IBBY Malaysia 2021. Beliau telah

membentangkan e-katalog buku terpilih IBBY Malaysia dan tayangan buku animasi yang disediakan oleh jawatankuasa pelaksana majlis.

Majlis ini juga turut meraikan tiga pemenang utama bagi Sijil Kepujian Buku Terbaik IBBY Malaysia 2021 yang mana telah disenaraikan sebagai calon Malaysia yang akan dibawa ke peringkat antarabangsa iaitu buku berjudul Gemilangnya Putrajaya/Magnificent Putrajaya, Tuty the Turtle dan Anak Murid yang Memakai Kain Cawat.

Seterusnya, turut berlangsung Majlis Penyampaian Koleksi Buku Terpilih 2021 yang disampaikan oleh Dato' Ahmad Redza Ahmad Khairuddin mewakili MBBY kepada Prof. Dato Dr. Mohammad Redzuan Othman bagi pihak UNISEL.



BICARA PUSTAKAWAN



TREND DAN FOKUS UTAMA PERPUSTAKAAN

Oleh: Khadijah Amri

Perpustakaan merupakan salah satu tempat sumber ilmu yang menjadi tumpuan utama orang ramai terutamanya kepada para pelajar dan penyelidik untuk mencari maklumat. Lantaran itu para pustakawan terutamanya di perpustakaan akademik perlu memainkan peranan yang penting bagi memastikan pengguna perpustakaan mendapat perkhidmatan pencarian maklumat yang terbaik dan memuaskan lebih-lebih lagi dalam masa krisis yang telah melanda dunia sekarang ini. Oleh itu, bagi menyokong pencarian maklumat kepada para pengguna walaupun dalam masa yang krisis kini, pustakawan di seluruh dunia telah bertungkus-lumus untuk memfokuskan beberapa perkara yang menjadi keutamaan dalam membantu para pengguna.

Akses Bebas (Open Access)

Akses Bebas (Open Access) ialah merujuk pada pelbagai literasi digital yang tersedia dalam bentuk digital yang boleh didapati secara dalam talian, percuma, dan terbebas dari semua ikatan atau hambatan hak cipta atau lesen (Sahidi, 2017).

Kandungan Open Access telah menarik perhatian para akademik dan penyelidik dalam pencarian maklumat di mana ianya dapat memudahkan mereka untuk mengakses dan menemui maklumat dengan mudah oleh semua orang. Walaubagaimanapun, ketertarikan pengguna terhadap Open Access tidak dapat menghilangkan kerisauan para pengarang untuk menerbitkan buku Open Access dengan pelbagai faktor diantaranya ialah mereka berpendapat bahawa kurangnya kualiti buku Open Access berbanding dengan buku yang bukan Open Access (Pyne et al., 2019). Hasil kajian Springer Nature 2019 yang bertajuk "The Future of Open Access Books: Findings From a Global Survey of Academic Book Authors" oleh Pyne et al., 2019, mendapati bahawa ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kurangnya kesedaran akan kelebihan Open Access. Maka sebagai tindak balas kepada penemuan ini, Springer Nature, OAPEN dan University of Glasgow telah membangunkan OAPEN Open Access Books Toolkit (Emery & Fedwerda, 2020), iaitu sumber percuma yang meringkaskan cara utama institusi boleh menyokong dan memaklumkan pengarang tentang faedah penerbitan Open Access.



Open Access telah diguna pakai oleh Perpustakaan Universiti Selangor (UNISEL) sebagai satu cara untuk membantu para pelajar, penyelidik, pensyarah dan kakitangan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan pembelajaran dan penyelidikan dengan mudah. Terdapat pelbagai *Open Access* yang disediakan oleh Perpustakaan UNISEL, antaranya ialah Directory of Open Access Journals (DOAJ), International Journal of Management Studies, IEEE Access dan lain-lain (Home - UNISEL Library, n.d). Penggunaan *Open Access* tersebut adalah percuma digunakan, boleh dilayari di mananya sahaja dan ianya juga boleh didapati di laman web rasmi Perpustakaan UNISEL.

Sifat Pendidikan yang Berubah

Penularan Covid-19 yang telah menyerang seluruh dunia mengakibatkan peralihan kaedah pembelajaran secara bersemuka bertukar kepada pembelajaran dalam talian yang belum pernah berlaku sebelum ini. Perubahan ini telah membuat sumber digital telah menjadi lebih penting pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, anjakan ini turut memberi kesan yang mencabar kepada perpustakaan. Seorang pustakawan dari University of Mary Washington membincangkan pengalamannya menggunakan penyelesaian senarai bacaan yang disepadukan ke dalam koleksi perpustakaan untuk membolehkan peralihan digital yang lebih lancar (Banerjee, 2020). Pustakawan di University of Central Florida mempunyai idea yang sama iaitu dengan mengadakan seminar pendidikan untuk pustakawan dan fakulti pengajaran mengenai pelesenan untuk melayari e-Buku dan video (Duff et al., n.d).

Peralihan kaedah pendidikan ini juga turut dilakukan oleh Perpustakaan UNISEL dimana sebelum ini kelas literasi maklumat yang diadakan secara bersemuka telah bertukar secara pembelajaran dalam talian dengan menggunakan platform *Google Meet*. Selain itu pelbagai perkhidmatan perpustakaan seperti memperbaharui pinjaman buku turut bertukar kepada perkhidmatan secara maya (Home - UNISEL Library, n.d). Usaha ini adalah untuk memberikan lebih banyak maklumat dan sokongan kepada para pendidik dan juga para pelajar sementara mereka menyesuaikan diri dengan kelas maya dan hibrid dan pastinya usaha ini akan diteruskan pada tahun baharu.

Pendigitalan dan Literasi Media

Selaras dengan pentingnya penggunaan digital tahun ini, pustakawan di The College of New Jersey mendapati bahawa pembelian buku perpustakaan akademik telah beralih secara mendadak ke arah e-Buku kerana ianya senang untuk didapati dan mampu milik (Link, 2020). Di peringkat Perpustakaan UNISEL, bahan-bahan akademik ada disediakan secara digital yang dapat memudahkan para pengguna untuk akses dan mendapatkannya secara cepat dan pantas. Antara bahan-bahan maklumat digital tersebut ialah e-Buku dan e-Dokumen iaitu kertas soalan tahun-tahun lepas, abstrak tesis dan disertasi, kertas projek dan abstrak laporan latihan amali, artikel-artikel jurnal (dipilih) dan artikel-artikel suratkhabar (Home - UNISEL Library, n.d).



Sebagai tindak balas kepada anjakan digital ini, Zoe Wake Hyde, Penolong Pengarah Yayasan Rebus (Rebus Foundation), mengkaji kelebihan dalam membuka sumber secara digital dan alat penyelidikan untuk meningkatkan penglibatan perpustakaan (Wake Hyde & Marshall, 2020). Selaras dengan aliran ini, dua pustakawan di University of Tennessee-Knoxville telah berusaha untuk mengkaji kepentingan media dan literasi digital dalam ruang akademik, dan menyokong pelajar yang mengalami maklumat berlebihan (information overload) melalui rancangan pengajaran mengenai literasi data dan media maya. (Ramsay Dosch & Whalon, 2020). Dalam gelombang penggunaan istilah yang popular seperti "berita palsu," dan "post-truth," khususnya berkaitan politik, maklumat salah telah menjadi fokus utama wacana ilmiah, terutamanya pada masa Covid-19 ini dan pustakawan ini juga mencari untuk mengkaji peranan perpustakaan akademik dalam memperjuangkan fakta ini (Top trends and focuses for libraries in 2021, n.d.).

Kesimpulannya, pustakawan memainkan peranan yang signifikan bagi mengenal pasti trend dan fokus yang utama untuk perpustakaan supaya ianya dapat membantu memudahkan urusan para pengguna dalam hal-hal yang berkaitan dengan pencarian maklumat di samping dapat memastikan bahawa peranan perpustakaan sebagai salah satu tempat sumber ilmu tidak ketinggalan zaman dan pudar.



Banerjee, B. (2020). Supporting the move to online learning: Library collections and OER in the virtual classroom. <https://doi.org/10.26226/morressier.5f71c8639b74b699bf392534>

Duff, S., Gause, R., & Norris, S. (n.d.). *Making Lemonade Out of a Sour Situation: An Opportunity for eBook & Streaming Video Education*. Charleston Library Conference 2020. Retrieved December 27, 2021, from <https://www.morressier.com/o/event/5f59fa5a5d192e7da879f354/article/5f5a04c62c3338b5c13cd039>

Emery, C., & Fedwerda, E. (2020). Open access books: Increasing support, training and education for authors. <https://doi.org/10.26226/morressier.5f5a04c62c3338b5c13cd03a>

Home - UNISEL Library. (n.d.). Retrieved December 23, 2021, from <http://library.unisel.edu.my/web/guest/home1>

Link, F. (2020). E-books at the crossroads and thoughts on the plague. <https://doi.org/10.26226/morressier.5f5a04c62c3338b5c13cd031>

Pyne, R., Emery, C., Lucraft, M., & Pinck, A. S. (2019, June 18). *The Future of Open Access Books: Findings from a global survey of Academic Book Authors*. figshare. Retrieved December 23, 2021, from https://figshare.com/articles/journal_contribution/The_future_of_open_access_books_Findings_from_a_global_survey_of_academic_book_authors/8166599/1

Ramsay Dosch, B., & Whalon, P. (2020). Oh the Places Media Literacy Can Go! Developing Media and Data Literacy Resources and at an academic library during the "infodemic". <https://doi.org/10.26226/morressier.5f5a04c62c3338b5c13cd049>

Sahidi, S. (2017). Peran Kebijakan Open Access Informasi dalam Membangun Komunikasi Ilmiah di Perpustakaan Perguruan Tinggi. *Jupiter, 16*(1). *Top trends and focuses for libraries in 2021*. Morressier. (n.d.). Retrieved December 22, 2021, from <https://www.morressier.com/post/top-trends-for-libraries-in-2021>

Wake Hyde, Z., & Marshall, B. (2020). Opening digital scholarship: Library and non-profit collaborations advancing open tools, approaches and values. <https://doi.org/10.26226/morressier.5f5a04c62c3338b5c13cd050>



TRAGEDI BANJIR BESAR PENUTUP TAHUN 2021

Berlabuhnya tirai tahun 2021 dengan peristiwa banjir besar yang teruk di mana ianya telah menimpa rakyat Malaysia di dalam mereka sedang bergelut untuk melawan Covid-19 yang telah melanda satu dunia di samping dengan langkah berjaga-jaga dengan kehadiran varian Omicron. Peristiwa ini tidak mungkin dapat dilupakan dan akan terus menjadi sejarah hitam untuk Malaysia terutamanya kepada mangsa-mangsa banjir ekoran bencana ini telah menyebabkan ramai diantara mereka kehilangan dan kerosakan harta benda dengan sekilip mata dan ada juga orang yang tersayang telah menjadi korban akibat banjir.

Pada 18 Disember 2021, bermulanya kisah hitam sebelum berlakunya banjir apabila hujan lebat melanda lebih 24 jam di Malaysia akibat Siklon Rai yang melibas Filipina selama beberapa hari. (Nizam, 2021) Fenomena hujan berterusan ini dianggap biasa kerana perkara ini sering berlaku menjelangnya hujung tahun. Namun perkara yang tidak disangka berlaku kerana banjir besar telah melanda Lembah Klang khususnya Selangor yang padat dengan penduduk. Hal yang demikian telah mengejutkan penduduk Lembah Klang kerana mereka tidak bersiap sedia menghadapi banjir seperti kawasan-kawasan yang lazimnya akan banjir seperti Pantai Timur. Tambahan pula dengan 48 jam pertama bencana melanda, suara meminta bantuan dari segenap pelosok Lembah Klang menghujani media sosial telah menyebabkan agensi yang terbabit dengan pengendalian bencana turut huru-hara untuk sementara waktu. (Bah Besar penutup 2021, 2021)

Hal yang demikian telah menyebabkan terdapat penduduk yang terperangkap dan terputus bekalan elektrik, makanan dan talian komunikasi yang menyebabkan mangsa terpaksa lebih bergantung sepenuhnya kepada lilin dan mesin ‘generator’ (set penjana) pada waktu malam. (Iskandar, 2021). Menurut Pengurus Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Encik Izham Hashim, beliau menyatakan terdapat 1,000 pencawang elektrik di seluruh Selangor tidak berfungsi ekoran banjir besar yang melanda di mana ianya menyebabkan terputus bekalan elektrik kepada beberapa buah kawasan perumahan. (Ruwaida, 2021).

Lebih kurang 21,385 mangsa banjir yang terdiri dari 5,510 keluarga terjejas akibat banjir telah ditempatkan di 117 Pusat Pemindahan Sementara (PPS). (Mangsa Banjir di PPS sekitar selangor kembali meningkat, 2021) di Selangor manakala lebih kurang 25 nyawa terkorban yang melibatkan 17 lelaki dewasa dan 8 wanita dewasa (Safeek, 2021). Antara mangsa-mangsa tersebut, terdapat beberapa kakitangan Universiti Selangor (UNISEL) yang turut terkesan dengan banjir tersebut antaranya ialah Siti Mariani Mohd Yusof yang merupakan pembantu perpustakaan Universiti Selangor (UNISEL).



Di mana beliau merupakan salah seorang mangsa banjir yang telah mengharungi detik-detik cemas ketika air hujan mula naik ke aras pinggang pada petang Sabtu di kampung Bestari Jaya. Kesan dari banjir tersebut, rumah kediaman beliau telah roboh dan barang-barang beliau sekeluarga banyak telah dihanyut air. (Hasril, 2021)



Keadaan rumah beliau yang rosak teruk akibat air deras berikutan banjir besar telah menyebabkan beliau bersedih hati bak kata pepatah berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Kisah beliau dan isu banjir ini telah mendapat perhatian Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman iaitu Presiden dan Naib Canselor UNISEL dengan memberikan penempatan percuma 3 bulan di perumahan staf kepada Siti Mariani Mohd Yusof dan keluarga.

Bantuan yang diberikan oleh pihak UNISEL ini telah membuat beliau bersyukur dan berterima kasih kepada pihak yang telah membantu dalam meringankan beban beliau. Di samping itu, Presiden dan Naib Canselor UNISEL turut menawarkan penginapan sementara kepada 40 orang kakitangan yang terjejas akibat banjir (Hasril, 2021). Hal yang demikian menunjukkan keprihatinan beliau kepada mangsa banjir terutamanya kakitangan UNISEL. Malah cuti turut diberikan kepada kakitangan yang tidak dapat hadir ke kerja akibat jalan tutup yang disebabkan banjir.

Dalam pada masa yang sama, seramai 300 penuntut dan Universiti Selangor (UNISEL) dan sukarelawan dalam kalangan kakitangan telah digerakkan pada Selasa 21 Disember 2021 dalam membantu kerja pencucian dan pembersihan rumah mangsa serta membantu daripada segi sokongan emosi dan psikologi kepada individu yang terkesan akibat banjir. (Amirul, 2021).



Antara fakulti dan pihak UNISEL yang ringan tulang dalam memberikan bantuan ini adalah Fakulti Komunikasi, Seni Visual & Pengkomputeran (FCVAC), Fakulti Perniagaan & Perakaunan (FPP) UNISEL Kampus Shah Alam dan Kor Siswa-Siswi Pertahanan Awam (KOR SISPA) Universiti Selangor. Sehingga kini, banyak tempat yang telah dibantu oleh pihak UNISEL dalam pasca banjir ini antaranya ialah Kampung Bestari Jaya, Dengkil dan Rantau Panjang. Bantuan yang diberikan oleh pihak UNISEL ini telah banyak meringankan beban penduduk setempat dalam membersihkan kawasan rumah dan sekolah dari lumpur dan kotoran berikutan banjir besar yang melanda.



Pihak UNISEL turut membantu memberikan bantuan makanan yang disediakan oleh Dapur Team UNISEL yang telah beroperasi di masjid UNISEL kepada mangsa sekitar yang terjejas (Universiti Selangor, 2021). Di samping itu, pihak UNISEL turut menawarkan khidmat percuma pelupusan al-Qur'an yang rosak akibat banjir.



Perkara ini dinyatakan oleh Pengarah Komunikasi Korporat sebagai satu inisiatif agar proses pelupusan al-Qur'an adalah lebih teratur dan sempurna menjaga kemuliaannya (Taib & Sidek, 2021). Segala kos pelupusan ditanggung sepenuhnya oleh pihak UNISEL dan proses pengumpulan al-Qur'an di Masjid UNISEL Kampus Bestari Jaya akan diteruskan hingga selesai semua proses pembersihan rumah mangsa banjir di kawasan-kawasan sekitar. Hal yang demikian telah menunjukkan bahawa pihak UNISEL amat mengambil berat dalam urusan yang melibatkan ayat-ayat suci al-Qur'an di samping bertungkus lumus membantu mangsa-mangsa banjir.

Semangat pihak UNISEL dalam membantu mangsa - mangsa banjir yang terjejas turut disokong oleh Kerajaan Pulau Pinang dengan memberikan bantuan dana sebanyak RM50,000 yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang Dato' Ir Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman kepada Presiden dan Naib Canselor pada 26 Disember 2021 bagi menggerakkan misi bantuan pasca banjir. Di samping itu, pihak UNISEL turut mendapat sumbangan sebanyak RM15,000 yang berupa barang logistik daripada Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) cawangan Kedah untuk misi bantuan ini. (Zareef, 2021). Sumbangan yang diterima oleh pihak UNISEL ini banyak membantu dalam menggerakkan bantuan untuk mangsa banjir.



Walaubagaimanapun, bencana yang telah menimpa ini juga ada hikmahnya tersendiri di mana rakyat Malaysia telah menunjukkan keprihatinan yang mendalam terhadap satu sama lain lantas membuktikan konsep keluarga Malaysia yang sebenar.



Di mana ada yang ringan tangan memberi bantuan dari segi kelengkapan menyelamat seperti bot, sampan dan kereta Hilux 4x4, makanan percuma seperti bantuan makanan oleh Gurdwara Sahib Petaling Jaya (GSPJ) serta bantuan tabung kecemasan mangsa banjir bagi membeli barang keperluan mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) seperti tilam, makanan kering dan kit wanita. Di samping dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran penduduk Selangor khususnya untuk sentiasa bersiap siaga dalam menghadapi bencana.



RUJUKAN

Amirul, A. H. (2021, December 21). *300 penuntut Unisel Bantu bersihkan Rumah Mangsa banjir.* Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/12/791317/300-penuntut-unisel-bantu-bersihkan-rumah-mangsa-banjir>.

Berita Harian. (2021, December 22). *Mangsa Banjir di PPS sekitar Selangor kembali meningkat.* Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/12/902739/mangsa-banjir-di-pps-sekitar-selangor-kembali-meningkat>.

Berita Harian. (2021, December 30). *Bah Besar penutup 2021.* Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/12/905583/bah-besar-penutup-2021>.

Hasril, A. H. (2021, December 23). *Rumah ranap banjir, UNISEL tawar penempatan percuma.* Facebook. https://www.facebook.com/universelangor/posts/4703866046355986?__tn__=K-R

Iskandar, S. M. (2021, December 22). *Putus Bekalan Elektrik, Komunikasi Sejak Ahad.* Utusan Digital. <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/12/putus-bekalan-elektrik-komunikasi-sejak-ahad/>

Nizam Y. (2021, December 29). *Banjir: Belajarlah Dengan pantai timur.* Utusan Digital. <https://www.utusan.com.my/renanca/forum/2021/12/banjir-belajarlah-dengan-pantai-timur/>

Ruwaida, M. Z. (2021, December 21). *400 pencawang Elektrik di selangor masih tidak Berfungsi Ekoran banjir.* Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/12/791327/400-pencawang-elektrik-di-selangor-masih-tidak-berfungsi-ekoran-banjir>

Safeek, A.R. (2021, December 27). *Banjir: 48 kematian, 5 Masih Hilang - PDRM.* Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/12/904586/banjir-48-kematian-5-masih-hilang-pdrm>

Taib, H., & Sidek, N. (2021, December 26). *UNISEL tawar khidmat percuma lopus al-Quran rosak akibat banjir.* Selangorkini. https://selangorkini.my/2021/12/unisel-tawar-khidmat-percuma-lopus-al-quran-rosak-akibat-banjir/?utm_source=dlvr.it&utm_medium=facebook

Universiti Selangor. Facebook. (n.d.). <https://www.facebook.com/universelangor/>

Zareef, M. (2021, December 26). *Unisel Terima Sumbangan RM50,000, Gerak Misi bantuan banjir.* Selangorkini. https://selangorkini.my/2021/12/unisel-terima-sumbangan-rm50000-gerak-misi-bantuan-banjir/?utm_source=dlvr.it&utm_medium=facebook

Program Literasi Maklumat

Organised by



In Collaboration with

#UNISELLibrary
#EmeraldPublishing

Exploring Emerald (pt 2) Open Access & Emerald Open Research

10 November 2021 (Wed)

10:30am - 11:30am

Open to all students and faculty members

- What is Open Access
- What is Emerald Open Research
- Where can we find & publish in Open Access Journals

Perpustakaan UNISEL

For any query, please contact Puan Raudah Rajab

Email: raudah@unisel.edu.my

WhatsApp: 0168768451

Nur Adna
binti Roduan,
Librarian, UNISEL(Trainer) William Loh
Emerald PublishingScan to
Registeror type
[https://bit.ly/
3vlgIhr](https://bit.ly/3vlgIhr)

10 NOVEMBER 2021

Perpustakaan UNISEL dengan kerjasama Emerald Publishing telah mengadakan sesi latihan Exploring Emerald (Part 2): Open Access & Emerald Open Research pada 10 November 2021 (Rabu). Sesi yang telah diadakan secara talian melalui aplikasi Zoom yang bermula pada jam 10.30 pagi hingga 12.00 tenghari ini telah dikendalikan oleh Mr. William Loh, wakil dari Emerald Publishing. Seramai 40 peserta yang terdiri daripada pensyarah dan pustakawan telah mengikuti program tersebut. Latihan ini memfokuskan kepada pengenalan kepada sumber Open Access dan Emerald Open Research yang disediakan dalam Emerald Database. Selain itu, juga diajar cara untuk terbitkan artikel di dalam Emerald Database.

The image shows a grid of 25 video feeds from a Zoom meeting, with names like Nur Adna Roduan, William Loh, Norazina Miftah, AYTHAH ABD MUTALIB, Azar Faitha Mohd Lai, Nur Hafizah Hamid, Farah Afifah Zulkifli, Nurul Azizah Abd Rahman, Nur Halim Baharin, Mardzil Adin, Farisah Dyanaya, Irmal Syuryani Jaswir, Ann Sofee Razali, Nur Shazleen Yusof, Nik Aizatul Nabilah, Sharifah Hilmie Syed Abu, Siti Suriani Misran, Shahrizat Said, and Fadiah Darini. To the right of the video grid is a screenshot of the Emerald Open Research website. The website header includes 'SUBMIT YOUR RESEARCH', 'BROWSE', 'GATEWAYS & COLLECTIONS', 'HOW TO PUBLISH', 'ABOUT', 'MY ACCOUNT', and 'REGISTER'. Below the header, there's a section titled 'How to Publish' with links for 'Submit your Research', 'My Submissions', and 'Article Guidelines'. A prominent section is 'Article Processing Charges' which lists three categories: Category A (\$800), Category B (\$1000), and Category C (\$1350). The website also features sections for 'Emerald Open Research', 'How It Works', 'For Reviewers', 'Our Advisors', 'Policies', 'Glossary', 'FAQs', and 'Contact'.

Program Literasi Maklumat



22 NOVEMBER 2021

Perpustakaan UNISEL telah dijemput untuk memberikan taklimat berkaitan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan kepada pelajar dari Fakulti Komunikasi, Seni Visual dan Perkomputeran. Taklimat ini dikendalikan oleh Pustakawan UNISEL, Puan Nur Adna Roduan. Semoga para pelajar memanfaatkan segala yang penerangan yang diberi dan menggunakan segala kemudahan perpustakaan dengan sepenuhnya.

Aktiviti Perpustakaan UNISEL

11 NOVEMBER 2021

Warga kerja Perpustakaan UNISEL mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Nur-Ileana Hani binti Roslidali yang telah tamat menjalani latihan industri di Perpustakaan UNISEL Kampus Shah Alam. Semoga ilmu yang dipelajari boleh diperaktikkan dan menjadi asas pengetahuan apabila berada di luar sana.



12 NOVEMBER 2021


Raptai penuh dan persediaan terakhir untuk Majlis Pelancaran Katalog Buku Terpilih IBBY Malaysia dan Penyampaian Sijil Buku Kepujian 2021 serta Penyampaian Koleksi Buku Terpilih 2021 oleh MBBY kepada UNISEL.

Aktiviti Perpustakaan UNISEL



22 NOVEMBER 2021

Pengambilan buku Pinjaman Antara Perpustakaan di Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



06 DISEMBER 2021

Kerja-kerja terakhir dalam memasang set komputer di cubical room (Learning Common) oleh staf Center for Information and Communication Technology (CICT).

Aktiviti Perpustakaan UNISEL



09 DISEMBER 2021

Staf Perpustakaan UNISEL terlibat dalam menghias pentas utama sempena program UNISEL Grand Gathering yang ketuai oleh Puan Nur Adna Roduan.



19 DISEMBER 2021

Ketua Perpustakaan UNISEL iaitu Encik Hafiz Abdul Rahim telah membentangkan Pencapaian Tahun 2021 dan Pelan Perancangan Strategik Perpustakaan 2022-2026 di Hotel Avillion Admiral Cove, Port Dickson pada 19 Disember 2021.

Aktiviti Perpustakaan UNISEL



23 DISEMBER 2021

Staf Perpustakaan menghias ruangan perpustakaan sempena Hari Krismas 2021.




Album Pelawat & Lawatan



09 & 10 NOVEMBER 2021

Lawatan persediaan untuk audit dari Jabatan Sains & Bioteknologi serta Lawatan penilaian MQAVA untuk program ISM Bioinformatik yang dilakukan secara atas talian.



11 NOVEMBER 2021

Lawatan audit penilaian MQAVA untuk program Diploma Akuakultur yang dilakukan secara atas talian.

Album Pelawat & Lawatan



11 NOVEMBER 2021

Lawatan audit penilaian MQAVA untuk program ISM Matematik yang dilakukan secara atas talian.



15 NOVEMBER 2021

Lawatan audit penilaian MQAVA untuk program Diploma Teknologi Industri yang dilakukan secara atas talian.

Album Pelawat & Lawatan



18 NOVEMBER 2021

Mesyuarat pembukaan untuk audit penilaian MQA bagi program kejururawatan yang dipengerusikan YBhg. Prof. Dr. Md Sidin bin Ahmad Ishak, Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri).



19 NOVEMBER 2021

Perpustakaan UNISEL adalah antara destinasi wajib dalam Campus Tour untuk pelajar baharu. Semoga semua pelajar dapat memanfaatkan segala kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan UNISEL.

Album Pelawat & Lawatan



20 NOVEMBER 2021

Tinjauan persekitaran luar Perpustakaan UNISEL oleh Dr. Mohd Norazwan A. Bakar, Pengarah Pusat Sukan, Budaya & Penghijauan UNISEL. Tinjauan ini dilakukan untuk memastikan lanskap di persekitaran Perpustakaan UNISEL sentiasa terjaga dan kemas.



22 NOVEMBER 2021


Kerja-kerja pembersihan dan pencucian Perpustakaan UNISEL dilakukan untuk memastikan persekitaran luar perpustakaan sentiasa dalam keadaan bersih.

Album Pelawat & Lawatan



20 NOVEMBER 2021

Perpustakaan UNISEL Kampus Shah Alam menerima lawatan pelajar dari Fakulti Sains Kesihatan. Semoga semua pelajar dapat memanfaatkan segala kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan UNISEL.



30 NOVEMBER 2021


Lawatan audit penilaian MQA untuk program Master & PhD Kejuruteraan yang dilakukan secara atas talian.

Album Pelawat & Lawatan



30 NOVEMBER 2021


Lawatan audit penilaian MQA untuk program MQA Master & PhD Bioteknologi yang dilakukan secara atas talian.



01 DISEMBER 2021


Lawatan dari wakil Pejabat Pendidikan Daerah Selangor sebagai persediaan untuk Ujian Lisan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2021 yang bertempat di Perpustakaan UNISEL Kampus Bestari Jaya.

Ulasan Buku




• Judul	Extending Microsoft Dynamics 365 Finance and Supply Chain Management Cookbook
• Penulis	Simon Buxton
• ISBN	9781838643812
• No. Panggilan	HD38.5 .B87 2020
• Lokasi	https://bit.ly/3d8mpY7
• Tahun terbitan	2020
• Edisi	2nd.

Microsoft Dynamics 365 Finance and Supply Chain Management form an ERP solution for complex single-site, multi-site, and multi-language global enterprises. This flexible and agile solution provides advanced functionality for manufacturing, retail, public sector, and service sector industries. Not only does this solution provide a strong set of built-in functionality, but it also provides an industry-leading integrated development environment, allowing an organization to provide even higher levels of fit. This book should be in the tool belt of any software engineer who works with or is about to embark on a career with Microsoft Dynamics 365 Finance and Supply Chain Management




• Judul	Moving with Words & Actions: Physical Literacy for Preschool and Primary Children
• Penulis	Rhonda L. Clements & Sharon L. Schneider
• ISBN	9781492548621
• No. Panggilan	GV452 C57 2017
• Lokasi	https://bit.ly/3m3BXBd
• Tahun terbitan	2017
• Edisi	-

Moving with Words & Actions addresses the teacher's desire to implement activities that can awaken children's love for lifelong physical activity. It also confronts the problem of childhood obesity by providing the tools needed to increase the young child's level of physical activity and movement competency.



• Judul	Molecular Mechanism of Congenital Heart Disease and Pulmonary Hypertension
• Penulis	Toshio Nakanishi, H. Scott Baldwin, Jeffrey R. Fineman & Hiroyuki Yamagishi
• ISBN	9789811511851
• No. Panggilan	RC687 .M72 2020
• Lokasi	https://bit.ly/3oTOJE4
• Tahun terbitan	2020
• Edisi	-

How does the advance in science happen? Is it a sudden phenomenon like an unexpected illumination or a result of collective addition of many small facts? This book is based on the 8th Takao International Symposium on Molecular Mechanism of Cardiopulmonary Disease—New Insight into the Development of Pulmonary Circulation and Ductus Arteriosus—in October 2017 in Matsue, Japan.



• Judul	Hukum Orang Yang Meninggalkan Solat
• Penulis	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2015
• ISBN	-
• No. Panggilan	BP184.3 .H85 2015
• Lokasi	http://library.unisel.edu.my/equipunisel/YoungPeopleSocialMediaandHealthpdf
• Tahun terbitan	2015
• Edisi	-

Risalah kecil ini adalah terjemahan bahagian pertama dari buku "Kitab Tarakal Solat Lil Mualif Ahmad Isa Asyur; dipetik dan diterjemah oleh Abdul Razak Mahmod, dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Risalah ini membincangkan mengenai hukum orang yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja dan juga terlupa atau tidak disengajakan. Mengandungi 33 halaman yang digarap dalam tulisan jawi. Setiap perincianya di sokong dengan dalil-dalilnya. Buku ini seharusnya kita sebagai umat islam memiliki bagi menambah ilmu pengertuan"

BULETIN

PERPUSTAKAAN UNISEL



unisel library

- If you have a question or
- Need help with your research or assignment or
- Want to keep up to date with latest news & updates ...



CONNECT WITH US



Like.Follow.Share unisel library



<http://library.unisel.edu.my>



sirkulasi@unisel.edu.my



Chat with a Librarian



03-32805081/5080

(BJ Campus)

03-55223565

03-55223596

(Customer Service, Shah Alam Campus)

(Reference Service, Shah Alam Campus)